

MAHATHIR

1979

KUALA LUMPUR, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PRESTASI EKONOMI NEGARA INI ADALAH SETANDING BUKAN SAHAJA DENGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN TETAPI JUGA TERBUKTI LEBIH BAIK DARIPADA SETENGAH-SETENGAH NEGARA MAJU.

INI, TAMBAHNYA, ADALAH BERDASARKAN DARI SEGI KADAR PURATA PERTUMBUHAN EKONOMI DAN LAIN-LAIN ANGKA PENUNJUK.

+BARU-BARU INI BILA SAYA MENGATAKAN SAYA MENJANGKA MENJELANG TAHUN 1990 MALAYSIA AKAN TERKELUAR DARI TAKRIF +NEGARA KURANG MAJU+ INI BUKANLAH SATU HARAPAN SEMATA-MATA, + KATANYA.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI NEGARA INI MEMPUNYAI SUMBER-SUMBER, SWTU SISTEM EKONOMI YANG KUKUH YANG MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN DAN PADUAN DASAR.

+APA YANG KITA PERLUKAN IALAH BEKALAN BERTERUSAN TENAGA TERLATIH LAGI DEDIKASI DI SEMUA PERINGKAT, TERUTAMA ORANG- ORANG PROFESIONAL DAN PENGURUS. INI JUGA SUDAH TENTUNYA TERMASUK PARA AKAUNTAN YANG BERKELAYAKAN, + KATANYA KETIKA MERASMIKAN SEMINAR SEHARI INSTITUT AKAUNTAN UMUM MALAYSIA (MACPA) DI SINI. -- BERSAMBUNG 1533/1B

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PELABURAN LUAR, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMODAL-PEMODAL ASING MENGAKUI MALAYSIA MEMPUNYAI IKLIM PELABURAN YANG SIHAT DI SAMPING KEADAAN POLITIK DAN KEWANGANNYA YANG STABIL.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG KURANGNYA BILANGAN BUMIPUTERA DALAM PROFESION AKAUNTANSI.

BAGAIMANAPUN, TAMBAHNYA, DENGAN ADANYA LANGKAH-LANGKAH INSTITUT ITU UNTUK MELATIH PARA AKAUNTAN DAN MENGIKTIRAF DIPOMA-DIPLOMA TERTENTU SEPERTI DIPLOMA DI BIDANG AKAUNTANSI DARI INSTITUT TEKNOLOGI MARA TELAH MENGGALAKKAN LEBIH RAMAI BUMIPUTERA MEMASUKI LAPANGAN TERSEBUT.

+TETAPI SAYA MASIH MENGATAKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PROFESION INI KURANG MEMUASKAN, + TEGASNYA.

+USAHA YANG LEBIH LAGI HENDAKLAH DIJALANKAN UNTUK MENGGALAKKAN LEBIH RAMAI BUMIPUTERA DAN BERHARAP SEMINAR INI AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN YANG SERIS TERHADAP MASALAH INI. +

TERDAHULU DARI ITU, YANG DIPERTUA INSTITUT ITU, DR. NAWAWI MAT AWIN, MENYEBUT TENTANG PERLUNYA DITUBUHKAN SEBUAH BADAN TUNGGAL DI PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI PARA AKAUNTAN DI MALAYSIA.

-- BERSAMBUNG 1538/1B

E539

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BUAT MASA INI TERDAPAT DUA BUAH BADAN AKAUNTANSI DI NEGARA INI--INSTITUT AKAUNTAN UMUM MALAYSIA DAN INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA. SEMINAR TERSEBUT DIANJURKAN SEMPERA ULANGTAHUN KE 21 INSTITUT AKAUNTAN UMUM MALAYSIA. - BERNAMA 1540/1B

99

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA B539)

NAIB YANG DIPERTUA INSTITUT AKAUNTAN UMUM MALAYSIA, MEGAT ABDUL RAHMAN DALAM KERTAS-KERJANYA BERKATA PERKEMBANGAN PESAT EKONOMI MALAYSIA TELAH MEWUJUDKAN PERMINTAAN YANG MENINGKAT TERHADAP PARA AKAUNTAN SAMA ADA DI SEKTOR AWAM DAN JUGA SWASTA.

KATANYA MENURUT TINJAUAN GUNATENAGARA 1973, SEMENTARA 1,774 ORANG AKAUNTAN DIAMBIL BEKERJA DALAM TAHUN ITU, 1,971 ORANG LAGI DIPERLUKAN BAGI TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA (1976 HINGGA 1980).

+INI MERUPAKAN PERTAMBAHAN 111 PERATUS MELEBIHI KADAR BAGI PARA DOKTOR (38 PERATUS) DAN PEGUAM (35 PERATUS).

MEGAT ABDUL RAHMAN MENAMBAH BAHAWA MEMANDANGKAN DARI KEANGGOTAAN KEDUA-DUA BUAH BADAN AKAUNTANSI DI NEGARA INI -- INSTITUT AKAUNTAN UMUM MALAYSIA DAN INSITITUT AKAUNTAN MALAYSIA -- TERDAPAT HANYA 423 ORANG AKAUNTAN MENYERTAI PROFESION ITU HINGGA BULAN JUN TAHUN INI, MENUNJUKKAN KEKURANGAN YANG AMAT JELAS BAGI TEMPOH TERSEBUT. --BERSAMBUNG 1804/MD

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

100

DALAM KERTAS KERJANYA YANG BERTAJUK +MASA DEPAN PROFESION AKAUNTANSI DI MALAYSIA+ BELIAU MENYEBUT PERLUNYA DI KUMPULKAN SEMUA AKAUNTAN DI SELURUH NEGARA DALAM SEBUAH BADAN KEBANGSAAN.

BELIAU MENGESYORKAN BADAN ITU DIPANGGIL +THE MALAYSIAN INSTITUTE OF CHARTERED ACCOUNTANTS (MICA) DENGAN AHLI KEDUA-DUA BUAH BADAN YANG MEMPUNYAI LIMA TAHUN PENGALAMAN LAYAK DITERIMA SEAGAI FELLOW BADAN ITU. --BERNAMA 1805/MD